

**KAEDAH PENGAJARAN GURU-GURU PUSAT ASUHAN TUNAS ISLAM  
(PASTI) KAWASAN BACHOK**

**NORLIZA BINTI ABDUL MANAF**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : KAEDAH PENGAJARAN GURU- GURU DI PUSAT ASUHAN TUNAS ISLAM (PASTI)  
KAWASAN BACHOK

SESI PENGAJIAN 2007 / 2008

SAYA : NORLIZA BT ABDUL MANAF  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM / Sarjana/ Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan ( √ )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIDIK)

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap :  
**PT 1604, Kg Gelong Badak Tengah,  
16370, Jelawat, Bachok,  
Kelantan Darul Naim.**

Nama Penyelia:

**USTAZ AHMAD PUHAD BIN ALIM**


Tarikh : 2 Mei 2008

Tarikh:2 Mei 2008

**CATATAN :** \* Potong yang tidak berkenaan

- \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
- Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“ Saya akui telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)”

Tandatangan : ..........  
Nama Penyelia : Ustaz Ahmad Puhad bin Alim  
Tarikh : ...2.MEI.2008 .....

**KAEDAH PENGAJARAN GURU-GURU PUSAT ASUHAN TUNAS ISLAM  
(PASTI) KAWASAN BACHOK**

**NORLIZA BINTI ABDUL MANAF**

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)**

**Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia.**

**Mei 2008**

“Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan : 

Nama Penulis : NORLIZA BT ABDUL MANAF

Tarikh : 2 MEI 2008

## **Dedikasi**

*Khas buat Ayah **Abdul Manaf Bin Mat Diah** dan*

*Mek **Siti Minah Binti Mat Jusoh***

*yang amat disayangi dan disanjung. Terima kasih yang tidak terhingga dari anakmu ini. Segala jasa dan pengorbananmu tidak akan ku lupakan hingga ke akhir hayat.*

*Kakak, abang dan adik-adikku, **Kak Na, Abang Min, Syukur dan Atikah***

*Terima kasih atas pertolongan dan semangat dari kalian.*

*Semoga kasih dan sayang kita berkekalan hingga akhirat.*

*Teristimewa buat **Pensyarah***

*sekalian yang tidak pernah jemu mendidik dan mencurahkan ilmu.*

*Terima kasih atas segala tunjuk ajar. Halalkan segala ilmu yang pernah kupelajari.*

*Buat insan teristimewa, **Yusof Bin Ahmad***

*Terima Kasih atas dorongan dan sokongan darimu*

*Semoga perkenalan ini memberi makna dalam hidup kita*

*Adik-adik seperjuangan, **Khairul Akmal bin Nusi dan Siti Shurwaibah bt Che Omar***

*Terima kasih diatas pertolongan kalian dalam menambahbaikkan segala apa yang terkurang dan*

*terlebih. Semoga persahabatan kita kekal hingga akhirat.*

***Sahabat-sahabat Seperjuangan.***

*Terima kasih yang tidak terhingga atas segala jasa, pengorbanan dan tunjuk ajar*

*kalian. Memori kita bersama tetap terpahat kukuh dalam ingatanku*

*buat selama-lamanya.*

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya panjatkan sepenuh kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan Taufik dan Hidayah-Nya, dapat saya menyiapkan Projek Sarjana Muda ini dengan sempurna. Harapan semoga segala hasil usaha yang sedikit ini dapat memberikan manfaat kepada semua.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan jutaan terima kasih khas buat **Ustaz Ahmad Puhad Alim** selaku Penyelia Projek Sarjana Muda di atas segala tunjuk ajar, dorongan serta nasihat yang memberangsangkan sepanjang menyiapkan projek ini. Segala nasihat ustaz akan saya sematkan dalam hati.

Ucapan penghargaan kepada **guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) daerah Bachok** di atas kerjasama yang diberikan. Juga tidak dilupakan kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang tidak jemu memberi perangsang dan semangat. Semoga usaha dan cita-cita yang diimpikan mencapai matlamat.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam menjayakan usaha saya sepanjang menyiapkan Projek Sarjana Muda ini.

Kerjasama kalian amat dihargai. Hanya Allah S.W.T yang dapat membalas segala jasa yang telah diberikan. Semoga segala usaha mendapat keberkatan dan rahmat dari-Nya, Insya Allah. Amin.

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kaedah pengajaran yang digunakan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) kawasan Bachok. Di samping itu, kajian ini juga mengkaji kaedah pengajaran utama yang digunakan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) kawasan Bachok. Penyelidikan ini telah melibatkan responden seramai 34 orang dan kesemua responden dari kalangan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) kawasan Bachok. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah soal-selidik bagi mendapatkan data kajian dan pemprosesan data yang diperolehi adalah dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) 12.0 for windows*. Dapatan min sebanyak 4.06 menunjukkan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) menggunakan kaedah mengajar yang dikaji oleh penyelidik. Kaedah utama yang digunakan guru-guru PASTI adalah kaedah hafalan dengan catatan min sebanyak 4.16. Guru-guru PASTI juga mengetahui tentang kaedah pengajaran yang dikaji oleh penyelidik. Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan responden memberi persepsi yang positif terhadap aspek yang dikaji. Di akhir kajian, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu untuk diberi perhatian terhadap masalah yang dikaji. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

## ABSTRACT

The purpose of this experiment is to determine the method of teaching that has been use by teachers of Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) in Bachok area. Besides that, the experiment to determine main method of teaching that has been use by teachers of PASTI in Bachok. This research is consisting of 34 respondents and all of the respondents are teachers of PASTI in Bachok. Questionnaires are use to determine the data of experiment and to process the data that have been obtain by using *Statistical Package for Social Science (SPSS) 12.0 for windows*. The mean 4.06 represent that the teacher of Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) is using the method of teaching that has been search by researcher. The main method has been use by teachers of Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) is memorize method and the mean is 4.16. The overall of this experiment is show that the respondents give the positive perception to the aspect that has been research. In the end of this experiment the researchers give a several opinion to certain side to focus about the problem has been search. The researcher also gives the further suggestion for the next experiment.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>JUDUL</b>	
	<b>PENGAKUAN PELAJAR</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI SINGKATAN / SIMBOL</b>	xiii
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Batasan Kajian	10

1.8	Skop Kajian	10
1.9	Takrifan Istilah	11
1.10	Kesimpulan.	12

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pendahuluan	13
2.2	Pendidikan Islam	14
2.3	Kaedah Pengajaran Dalam Pendidikan	16
2.3.1	Kaedah Hafalan	17
2.3.2	Kaedah Soal Jawab	19
2.3.3	Kaedah Lawatan	20
2.3.4	Kaedah Halaqah	22
2.3.5	Kaedah Imlak	22
2.3.6	Kaedah Permainan	23
2.3.7	Kaedah Demonstrasi (tunjukcara)	24
2.3.8	Kaedah bercerita	26
2.4	Kaedah-Kaedah Lain Dalam Pendidikan	27
2.4.1	Kaedah Kuliah	27
2.4.2	Kaedah Diskaveri/Penemuan	28
2.4.5	Kaedah Projek	29
2.4.6	Kaedah Simulasi	30
2.5	Guru	31
2.6	Latar Belakang Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI)	33
2.7	Falsafah Pendidikan PASTI	34
2.8	Kurikulum PASTI	35
2.9	Kajian Lepas	36
2.11	Kesimpulan	38

**BAB 3****METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	39
3.2	Rekabentuk Kajian	39
3.3	Tempat Kajian	40
3.4	Populasi Kajian dan Sampel Kajian	40
3.5	Instrumen Kajian	41
3.6	Analisis Data	43
3.7	Tatacara Kajian	45
3.8	Jangka Masa Kajian	46
3.9	Kesimpulan	46

**BAB 4****ANALISIS DATA**

4.1	Pendahuluan	47
4.2	Analisis Latar Belakang Responden	48
4.3	Analisis Data: Bahagian B dan C	
4.3.1.	Analisis Data Bahagian B: Kaedah Pengajaran yang digunakan Guru-Guru PASTI	52
4.3.2.	Analisis Data Bahagian C: Kaedah Utama Yang digunakan Guru-guru PASTI	64
4.3.3	Analisis Bahagian D: Pengetahuan Guru-Guru PASTI terhadap Kaedah Lain	71
4.4	Rumusan Dapatan Kajian Kaedah pengajaran yang digunakan Guru-Guru PASTI	76



## SENARAI JADUAL

NO JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
3.2	Skala Lima Mata Likert	43
3.3	Skala Pemeringkatan likert Untuk Min	44
3.4	Klasifikasi Analisis Min	44
4.1	Taburan Responden mengikut Jantina	48
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	49
4.3	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	49
4.4	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	50
4.5	Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan	50
4.6	Taburan Responden Mengikut Status Gaji	51
4.7-4.30	Kekerapan, Peratus dan Min bagi item 1-24 (Bahagian B)	52
4.31-4.46	Kekerapan, Peratus dan Min bagi item 25-40 (Bahagian C)	64
4.47-4.58	Kekerapan, Peratus dan Min bagi item 41-52 (Bahagian D)	71
4.60	Rumusan Dapatan Kajian Kaedah Pengajaran Yang Digunakan Guru-Guru PASTI	76
4.60	Rumusan Dapatan Kajian Kaedah Utama Yang Digunakan Guru-Guru PASTI	79

4.61	Rumusan Dapatan Kajian Pengetahuan Guru- Guru PASTI Terhadap Kaedah Lain.	81
5.1	Jumlah Min Setiap Kaedah (Bahagian C)	90
5.2	Jumlah Min Setiap Kaedah (Bahagian D)	92

**SENARAI SINGKATAN / SIMBOL**

%	- Peratus
BIL	- Bilangan
N	- Kekerapan Populasi
FPI	- Falsafah Pendidikan Islam
FPK	- Falsafah Pendidikan Kebangsaan
PASTI	- Pusat Asuhan Tunas Islam
PAS	- Parti Islam SeMalaysia
SWT	-subhanallahu wa ta'ala
SAW	- Sallahu ' alaihi wasalam
r.a	- Radiallahu anhu
SPSS	- <i>Statistical Package For the Social Sciences</i>
STS	- Sangat Tak Setuju
TS	- Tak Setuju
S	- Setuju
SS	- Sangat Setuju
KS	- Kurang Setuju
TADIKA	- Taman Didikan Kanak-kanak
TABIKA	-Taman Bimbingan Kanak-kanak.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Pendidikan merupakan satu perkataan yang mempunyai pengertian yang amat luas dan mendalam. Sejak zaman Rasulullah SAW lagi pendidikan merupakan sesuatu perkara amat yang ditekankan dan dilakukan setiap masa. Pendidikan adalah bersifat dalaman iaitu pendidikan yang membentuk peribadi manusia menjadi lebih baik dan berakhlak. Proses pembentukan ini tidak akan terhasil dalam masa yang singkat. Ia memerlukan masa yang panjang untuk mendidik manusia.

Dalam menjalankan proses pendidikan, elemen agama perlu sentiasa diambil kira dan tidak boleh dipisahkan. Ianya penting kerana pembentukan seorang muslim itu mestilah berunsurkan agama iaitu Islam. Hal ini sangat jelas apabila kita meneliti ayat al-Quran yang pertama diturunkan kepada Rasulullah SAW. Penurunan ayat ini tidak dimulai dengan perintah untuk melaksanakan ibadat syariat, akan tetapi ayat yang diturunkan adalah berkaitan dengan pendidikan. Firman Allah SWT :

أَقْرَأْ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

*Maksudnya : “Bacalah wahai Muhammad dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)”.*

( al-Alaq: 1)

Pendidikan Islam merupakan pendidikan yang sesuai untuk pembentukan muslim yang berakhlak mulia. Berdasarkan kepada tujuan yang mulia ini, pendidikan seperti ini perlu bermula sejak kecil dan berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah supaya mereka dapat memahami dan menjadikan nas sebagai pedoman dalam hidup.

Menurut Abdul Halim Mat Diah dalam Kertas Kerja Seminar Dan Ekspo Pendidikan Islam (1988: 20) pendidikan adalah bertujuan untuk membentuk peribadi muslim yang utuh iaitu peribadi yang ideal menurut ajaran Islam. Ianya meliputi aspek individual, aspek moral, aspek material dan aspek spiritual. Semua aspek-aspek tersebut adalah sesuai dengan hakikatnya sebagai seorang muslim yang mengabdikan seluruh hidupnya kepada Allah SWT. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

*Maksudnya: “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu”.*

(Al-zariyat: 56)

Proses pembentukan manusia yang berakhlak mulia ini dinamakan sebagai proses mengajar dan mendidik tentang kehidupan berteraskan agama Islam. Bagi mendapatkan hasil yang baik dalam mendidik manusia, para pendidik perlulah bijak menguruskan proses pengajaran dengan baik dan menggunakan pengkaedahan yang sesuai bagi menarik minat pelajar supaya dapat menghayati setiap pelajaran agama yang disampaikan.

Sabda Rasulullah SAW dalam buku Yusuf al-Qardawi tejh Bustami A. Gani *et.al* (1980: 25) :

لأن يهدى الله بك رجلا واحدا خيرا لك من الدنيا وما فيها.

*Maksudnya : Bahawa jika kamu mengajar seseorang lalu dia mendapat kebajikan yang lebih berharga daripada dunia dan segala isinya.*

Di dalam proses pendidikan, guru memainkan peranan yang amat penting selain ibu bapa. Setiap guru perlu dibekalkan dengan kemahiran mengajar yang mantap kerana setiap kemahiran dan kebolehan semasa proses mengajar merupakan asas yang paling penting bagi seorang guru. Guru bukan sekadar menyampaikan ilmu pengetahuan tetapi juga membimbing, membantu, mendidik, mengasuh, memberi tunjuk ajar serta menjadi contoh kepada pelajar. Oleh sebab itu, guru perlu memiliki sebanyak mungkin ilmu. pengetahuan tentang pengajaran dan mahir dalam menyampaikan ilmu dengan menggunakan kaedah-kaedah yang sesuai supaya pelajar dapat menerima dengan berkesan.

## **1.2 Latar Belakang Masalah.**

Kaedah pengajaran dalam pendidikan merupakan perkara yang penting bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan mendapat hasil yang berkesan. Kaedah pengajaran yang efektif amat penting dalam setiap pengajaran terutamanya pendidikan Islam.

Pendidikan Islam adalah satu proses mendidik dan melatih akliah, jasmaniah dan ruhaniah manusia. Ia berasaskan nilai-nilai Islamiah yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah SAW bagi melahirkan insan yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah SWT semata-mata. Oleh itu, setiap pendidik tidak boleh memandang ringan dalam membentuk insan supaya menjadi muslim dan mukmin.

Kepentingan membentuk insan beriman dan bertakwa seperti ini menjadikan guru-guru agama sangat perlu menguasai penggunaan kaedah pengajaran agar dapat menyampaikan setiap ilmu agama dengan sempurna dan lebih baik. Selain itu, kaedah pengajaran juga dapat memudahkan pelajar menerima setiap ilmu yang diberikan terutamanya dalam aspek penghayatan.

Menurut al-Syaibani dalam Ismail Ab. Rahman (1992:165) menyatakan kaedah mengajar bermaksud segala segi kegiatan terarah yang dikerjakan oleh guru dalam rangka tuntutan mata pelajaran yang diajarnya, ciri-ciri perkembangan murid-muridnya dan suasana alam sekitarnya dengan tujuan menolong murid-murid untuk mencapai pembelajaran yang diinginkan dan perubahan yang dikehendaki pada tingkahlaku mereka. Selanjutnya menolong mereka memperolehi maklumat, pengetahuan, kemahiran, kebiasaan, sikap, minat, dan nilai-nilai yang diinginkan.

Penggunaan kaedah pengajaran dalam pendidikan Islam secara berkesan akan menampakkan hasil apabila pelajar dapat menerima pengajaran yang disampaikan serta dapat menggunakan ilmu yang dipelajari. Namun begitu, terdapat juga guru-guru yang mengajar tidak menitikberatkan penggunaan kaedah yang sesuai dengan pelajar. Menurut Ibnu Khaldun dalam Ismail Abdul Rahman (1992:112) kami perhatikan ramai dikalangan guru-guru yang ada pada zaman kami tidak mengetahui kaedah-kaedah pengajaran dan faedahnya. Diperingkat awal lagi mereka memulakan dengan masalah-masalah yang susah untuk pelajar memahaminya. Ramai guru yang merumitkan keadaan semasa proses pengajaran berlaku dan ini boleh menyebabkan pelajar rasa terbeban dan akhirnya pelajar tidak dapat menerima ilmu yang diajarkan.

Dalam kertas kerja Persatuan Mahasiswa Fakulti Pengajian Islam UKM yang bertajuk "*Masa Hadapan Sekolah- Sekolah Agama Rakyat Di Malaysia*" dalam Ismail Abdul Rahman (1991:182) menyatakan bahawa kebanyakan guru-guru sekolah agama adalah lepasan dari sekolah Arab tanpa mendapat latihan dan kursus perguruan yang

mencukupi. Oleh itu, kebolehan mereka sebagai pendidik kurang memuaskan dan tidak dapat menjalankan pengajaran dengan berkesan. Ini akan memberikan kesan yang buruk kepada murid.

Masalah ini amatlah membimbangkan kerana kesannya terletak pada murid-murid yang menerima pengajaran tersebut. Masalah pengajaran akan sentiasa timbul kerana guru tidak memahami proses pengajaran dan pembelajaran dan penggunaan kaedah yang sesuai.

Kebanyakan guru-guru pada masa kini dikatakan tidak kreatif untuk menggunakan kaedah yang sesuai untuk menarik minat pelajar ke sekolah. Hal ini sesuai dengan pernyataan yang dikeluarkan oleh Mohd Ali Hasan, Presiden Permuafakatan Ibu Bapa Nasional (MAPIN) dalam Utusan Online, (2004) bahawa guru-guru sekolah sekarang ini semakin hilang kreativiti dalam menarik minat pelajar. Guru perlu bijak menggunakan kaedah-kaedah pengajaran yang ada dengan lebih mencabar kerana generasi muda sekarang semakin sukakan cabaran dan guru mengikut 'rentak' pelajar. Guru tidak boleh menyogok pelajar dengan buku sebaliknya perlu mengimbangi aktiviti luar agar pelajar dapat menyelesaikan masalah apabila berada pada situasi yang sebenar.

Sikap yang tidak kreatif guru ini akan menyebabkan pelajar malas untuk meneruskan pembelajaran mereka. Mereka akan cepat bosan dengan apa yang dipelajari sekiranya guru menggunakan kaedah yang statik setiap masa. Menurut Mohd Salleh Lebar (2007:78) murid-murid bosan dengan sebahagian guru yang mengajar sambil lewa dan tidak banyak perubahan dalam teknik pengajaran. Ini bukan sahaja berlaku pada kelas yang lemah tetapi juga berlaku pada kelas yang bijak. Sikap malas belajar akan menimbulkan kesan yang buruk terhadap pelajar terutamanya kanak-kanak yang baru mengenali dunia pendidikan. Sekiranya guru tidak menarik minat kanak-kanak, mereka akan menganggap bahawa menuntut ilmu bukanlah satu perkara penting dalam kehidupan malah ia membebankan.

Pentariyahan awal kanak-kanak sangat penting bagi membentuk fikiran yang positif di kalangan mereka. Kanak-kanak perlu diajar dengan sesuatu yang berbentuk kebaikan supaya mereka dapat membentuk fikiran positif. Dalam hal ini, guru memainkan peranan penting dalam membentuk pentariyahan peringkat awal ini. Ini kerana, guru adalah orang yang paling dekat dengan kanak-kanak selain ibu bapa.

Konsep *tarbiyyah* yang dimaksudkan adalah proses mendidik manusia dengan tujuan untuk memperbaiki kehidupan ke arah yang lebih sempurna. Ia bukan sahaja dilihat sebagai proses mendidik tetapi merangkumi proses mengurus dan mengatur supaya perjalanan kehidupan berjalan dengan lancar. Ia termasuklah *tarbiyyah* dalam bentuk fizikal, spiritual, material dan intelektual. Pentariyahan yang berjaya terhadap generasi muda hendaklah dimulakan dari peringkat kecil lagi. Sabda Rasulullah SAW :

ما من مولود الا يولد على الفطرة فأبواه يهودانه أو ينصرانه أو  
يمجسانه

*Maksudnya : “Tiap-tiap anak yang dilahirkan keadaannya suci, sehingga fasihlah daripada lidahnya, maka orang tuanyalah yang menjadikan anak itu menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi”*

(HR: Muslim)

Menurut Nazmi Aidarus, Pegawai Hal Ehwal Islam Jabatan Mufti Negeri Terengganu dalam Bicara Agama Utusan Online (2006) menulis bahawa orang kita seringkali mengungkapkan pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungunya bagi menggambarkan keberkesanan pendidikan kanak-kanak. Pepatah tersebut menjadi kata-kata semangat dan perangsang yang berkesan kepada para pendidik dalam meningkatkan lagi penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang konsisten dengan harapan dapat membina generasi yang berpendidikan dan berakhlak mulia.

Penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai kepada kanak-kanak akan dapat menimbulkan rasa minat kanak-kanak untuk terus ke sekolah dan tidak menganggap sekolah sebagai musuh. Kanak-kanak memerlukan perkembangan bahasa dan komunikasi agar mereka menghormati di antara satu sama lain, memiliki sifat yakin diri dan berani bersaing apabila dewasa. Menurut Rosmah Mansor, Isteri Timbalan Perdana Menteri dalam Utusan Online (2006) bahawa kita perlu memikul tanggungjawab memastikan generasi akan datang dapat dibimbing, dididik dan diasuh menjadi rakyat yang berhemah tinggi dan mulia.

Generasi selepas kita adalah anak-anak yang akan mewarisi setiap apa yang diajar dan dipelajari oleh gurunya. Setiap pendidik perlulah mendidik anak-anak kearah yang sempurna. Menurut Abdul Salam Yusoff (2003: 131) al-Ghazali adalah seorang tokoh yang amat prihatin tentang pendidikan anak-anak. Beliau menekankan pendidikan hati dengan ilmu, mendidik jiwa dengan ibadah, mengenal Allah SWT dan mendekati tuhan.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Dalam proses pengajaran kanak-kanak pada hari ini, kaedah pengajaran yang baik amat penting bagi menarik minat mereka terhadap menuntut ilmu. Selain itu, kaedah pengajaran juga bertujuan agar guru-guru dapat menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan.

Kepelbagaian kaedah yang ada dalam pengajaran yang digunakan disekolah menengah, rendah dan prasekolah telah menyebabkan kecenderungan ibu bapa menghantar anak-anak mereka disekolah-sekolah tersebut. Ini kerana, setiap sekolah yang mempunyai guru-guru yang bijak, akan dapat menjalankan kaedah pengajarannya dengan baik. Pembentukan anak-anak akan lebih terkesan apabila guru-guru berjaya menggunakan kaedah yang baik dan sempurna.

Di Bachok, ramai kanak-kanak yang memasuki pusat asuhan selain PASTI seperti TABIKA, TADIKA, TASKI dan sebagainya. Namun begitu, kanak-kanak yang menamatkan prasekolah di PASTI dapat mengaplikasikan apa yang dipelajarinya dalam kehidupan mereka. Menurut Ahmad Yaakob, Timbalan Menteri Besar Kelantan dalam Harakah.Net (2006) pelajar-pelajar lepasan PASTI lebih berdisiplin dan berakhlak walaupun mereka belajar di sekolah kebangsaan. Dalam hal ini, sudah pasti ada sesuatu yang telah dilakukan oleh guru-guru PASTI menyebabkan kanak-kanak ini berjaya. Salah satu sebabnya adalah proses pengajaran yang telah dilakukan oleh guru-guru pusat asuhan tersebut.

Melihatkan keadaan ini mesti ada sebab mengapa kanak-kanak PASTI berjaya dalam pembelajaran mereka. Selain tarikan dari sudut Islam, mesti ada tarikan lain menyebabkan kanak-kanak berjaya di PASTI. Kenyataan itu seolah-olah menggambarkan kita bahawa adakah pusat asuhan yang lain tidak mempunyai guru-guru yang pandai mengajar, guru-guru tidak mengetahui kaedah mengajar kanak-kanak dengan betul atau sebab lain.

Pusat Asuhan Tunas Islam yang menjadi batasan kajian dalam kajian ini adalah salah satu pusat asuhan kanak-kanak dalam pendidikan yang berasaskan Islam. Pusat ini menjalankan proses pengajaran kanak-kanak dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu yang dapat menarik minat mereka untuk belajar di sini. Hal ini menyebabkan ramai ibu bapa menghantar anak-anak mereka belajar agama Islam dan akademik di sini.

Penyelidik menjalankan kajian bagi mengenalpasti penggunaan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru-guru PASTI serta kekuatan kaedah-kaedah tersebut. Berdasarkan kajian yang lepas, diperhatikan ramai ibubapa menghantar anak-anak mereka ke pusat asuhan ini kerana amat tertarik dengan teknik yang digunakan oleh guru-guru PASTI dalam mengajar anak-anak mereka.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk :

- a. Mengenalpasti kaedah pengajaran yang digunakan guru-guru di Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI).
- b. Mengenalpasti kaedah utama yang digunakan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI).
- c. Mengenalpasti pengetahuan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) terhadap kaedah lain.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

- a. Apakah kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru-guru di Pusat Asuhan Tunas Islam(PASTI).
- b. Apakah kaedah utama yang digunakan oleh guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam(PASTI).
- c. Apakah pengetahuan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam(PASTI) terhadap kaedah lain.

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

Penyelidik sangat berharap agar kajian yang telah dijalankan ini dapat dimanfaatkan samada oleh pihak kerajaan, media massa, pentadbiran Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI), guru-guru terlibat serta ibubapa yang menghantar anak-anak mereka ke Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI). Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan yang ingin di sampaikan :

1. Mengetahui kekuatan kaedah yang digunakan oleh guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) dan perkara akan dapat dijadikan panduan di masa hadapan.
2. Dapatan kajian ini diharap dapat mendorong guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) lebih bersemangat untuk menjalankan kaedah mengajar yang lebih berkesan.
3. Dapat memberi garis panduan kepada semua pihak yang bertanggungjawab, supaya dapat merancang strategi yang lebih berkesan untuk meningkatkan prestasi Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI)

### **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini telah dilakukan terhadap guru-guru PASTI kawasan Bachok. Penyelidik memilih kesemua guru-guru PASTI kawasan Bachok yang terdiri daripada 34 orang guru sebagai responden.

Kajian ini hanya terbatas kepada guru-guru PASTI yang menjadi responden sahaja dan tidak menggambarkan keseluruhan guru-guru PASTI di Malaysia. Responden yang dipilih oleh penyelidik terdiri daripada guru-guru PASTI kawasan Bachok termasuk lelaki dan perempuan.

### **1.8 Skop Kajian**

Skop kajian ini dijalankan oleh penyelidik berdasarkan kaedah pengajaran Islam dan konvensional. Antara kaedah yang dikaji oleh penyelidik terhadap responden ialah kaedah pengajaran menurut Ahmad Mohd Salleh (2000:192) iaitu kaedah hafalan, kaedah soaljawab, kaedah lawatan, kaedah halaqah, kaedah imlak, kaedah permainan, kaedah demonstrasi (tunjukcara) dan kaedah bercerita. Selain itu,

penyelidik juga mengkaji kaedah-kaedah lain seperti kaedah kuliah, kaedah *diskoveri*/penemuan, kaedah projek dan kaedah simulasi.

## **1.9 Takrifan Istilah**

### **1.9.1 Kaedah**

Kaedah ialah satu siri tindakan guru yang sistematik serta berurutan dimana ia bertujuan untuk mencapai objektif yang spesifik, iaitu jangka masa pendek sesuatu pelajaran. Kaedah juga bermaksud penyusunan terhadap isi pelajaran berdasarkan objektif (Ee Ah Meng 1999:35)

### **1.9.2 Pengajaran**

Pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada orang lain iaitu pelajar. Ia meliputi perkara-perkara seperti aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian secara berkesan (Mok Soon Sang 2000:1 ). Menurut Abdul Hamid Othman dalam Kertas Kerja Seminar Dan Ekspo Pendidikan Islam (1988: 23) pengajaran beerti pemindahan pengetahuan, pendidikan seseorang yang mempunyai pengetahuan kepada orang lain yang belum mengetahui.

### **1.9.3 Kaedah Pengajaran**

Kaedah pengajaran merupakan alat penyambung atau penggerak dua hala iaitu dari pihak pengajar dan pelajar yang sifatnya sentiasa berinteraksi dan saling mempengaruhi. (Abdullah Ishak 1995:66).

### **1.9.4 Pusat Asuhan Tunas Islam**

Menurut Noresah Baharom dalam Kamus Dewan (2004:1075) pusat membawa maksud tempat tumpuan berbagai kegiatan. Asuhan membawa maksud memelihara dan memberi tunjuk ajar atau menjaga dan mendidik anak-anak kecil. Tunas Islam membawa maksud anak atau zuriat orang-orang beragama Islam.

Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) dalam kajian ini adalah sebuah prasekolah Islam yang telah bermula akhir tahun 1970an yang mana pada peringkat awalnya di beri nama Tadika Islam. Ia juga membawa maksud tempat pembelajaran awal kanak-kanak yang berusia dari 4 tahun hingga 6 tahun. Mereka diajarkan dengan membaca, menulis, dan mengira melalui asas Islam yang kukuh.

## **1.10 Kesimpulan**

Dalam bab satu ini telah membicarakan tentang tajuk-tajuk yang berkaitan dengan pengenalan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, persoalan kajian, skop kajian, definisi atau istilah serta kesimpulan.